

AKHBAR : MAJALAH PA&MA
TARIKH : 03 NOVEMBER 2023
SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : ONLINE

HARI : JUMAAT



KEHAMILAN ▾ KELAHIRAN ▾ KEIBUBAPAAN ▾ PERKEMBANGAN ANAK ▾ VIDEO ▾ PA&MA GALA JENAMA PILIHAN PA&MA TOOLS ▾

Login or Register f i X e d

Home > Happening > Tahniah! Juara Virtual Baby Merangkak Race Pa&Ma X Simpan SSPN 'Diangkat' Sempena...

Tahniah! Juara Virtual Baby Merangkak Race Pa&Ma X Simpan SSPN 'Diangkat' Sempena Majlis Penutup BMS 2023



HADIAH MENARIK!

| KATEGORI | JUARA | NAJIU SIMPAN SSPN |
|-----------------|--------------|---------------------|
| NAJIU JUNIOR | RM300+ MEDAL | Alasan Simpan SSPN |
| TEMPAT KE-2 | RM100+ MEDAL | Alasan Simpan SSPN |
| SABUNG | RM50+ MEDAL | Alasan Simpan SSPN |
| KATEGORI KHUSUS | RM100+ MEDAL | BEST MERANGKAK NOW! |

Cara Penyertaan:

- IMBAS QR
- Imbas QR
- Lengkapkan Butiran Perbadan
- Upload Video
- Hantar

#BabyMerangkakRaceSimpanSSPNxPama
sebarang pertanyaan boleh hubungi PUAN EMY (0195440235)

Bersempena dengan Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS 2023) tahun ini, pertandingan **Virtual Baby Merangkak Race Pa&Ma X Simpan SSPN** telah diadakan bermula 2-20 Oktober yang lalu. Memandangkan sambutan untuk **Baby Merangkak Race Pa&Ma X Simpan SSPN 2023** mendapat sambutan yang menggalakkan ketika diadakan secara *on-ground*, maka terlahirlah inisiatif untuk menganjurkan pertadingan ini secara virtual.

Jom Sertai

Pa&Ma x Simpan
SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL

Hadiah Menarik!

JOM JADI SUPERHERO ANAK ANDA!

Tema: **SUPERHEROES**

Virtual BABY MERANGKAK Race

Tempoh Penyertaan:
2 OKTOBER - 20 OKTOBER 2023

Umur:
BAYI BERUSIA 6 - 12 BULAN SAHAJA

Cara Penyertaan:

- Imbas QR
- Lengkapkan Butiran Peribadi
- Upload Video
- Hantar

#BabyMerangkakRaceSimpanSSPNXPama
Sebarang pertanyaan boleh hubungi PUAN EMY (0195440235)

| JUARA | Akaun Simpan SSPN | RM300+ MEDAL |
|----------------------------|-------------------|----------------|
| NAIB JUARA | Akaun Simpan SSPN | RM200+ MEDAL |
| TEMPAT KE-3 | Akaun Simpan SSPN | RM100+ MEDAL |
| SAGUHATI | Akaun Simpan SSPN | RM50+ MEDAL x2 |
| Kategori Khas | | |
| BABY MERANGKAK WOW! | | |
| Akaun Simpan SSPN | | |
| RM100+ MEDAL | | |

Ini bagi memberi peluang kepada bayi-bayi di seluruh Malaysia dan tidak terhad kepada peserta di Lembah Klang atau Kuala Lumpur sahaja untuk menghantar penyertaan mereka. Ternyata penyertaan amat menggalakkan dan seramai 100 orang bayi telah menyertai **Virtual Baby Merangkak Race Pa&Ma X Simpan SSPN** tahun ini.

Kreatif & Penuh Semangat!

Semangat dan kesungguhan ibu bapa merakam dan mengedit video bayi-bayi mereka merangkak seharusnya diberikan pujian. Jalan cerita, penggunaan prop serta penglibatan ahli keluarga yang lain di dalam video dapat dilihat pada setiap video yang dihantar. Sekali lagi pertandingan kali ini membawa tema *Superhero*.

Ibu bapa diminta untuk menghantar video yang sudah siap diedit melalui *link* yang diberikan oleh team Pa&Ma. Sebanyak 30 video menarik telah dipilih oleh pihak Pa&Ma untuk ke pusingan seterusnya dan pihak juri telah

memilih 20 video terbaik untuk dimuatnaik ke laman Instagram Pa&Ma bagi merebut gelaran Baby Merangkak WOW!

Berikut adalah senarai pemenang :

Juara: Ellyna Inara binti Mohd Farez Farhan

Naib Juara: Nama bayi: Aisyah Humaira binti Ahmad Hatimi

Pemenang Tempat Ketiga: Ihzaan Almir Mohammad Shahkif

Saguhati: Irdhina Nur Zahirah Muhammad Hanif

Saguhati & Baby Merangkak WOW!: Putera Muhammad Hubaib Muhamad Huzaifi

Majlis penyampaian hadiah untuk pertandingan ini telah disempurnakan oleh Pengerusi PTPTN, YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim semasa Majlis Penutup Bulan Menabung Simpan SSPN 2023 & Sambutan Hari Tabungan Sedunia di Sunway Velocity Mall, Kuala Lumpur pada 29 Oktober 2023.

Juara **Virtual Baby Merangkak Race Pa&Ma X Simpan SSPN** telah membawa pulang akaun simpanan Simpan SSPN RM300, sebuah *car seat*, medal dan hadiah sampingan.



Manakala untuk Naib Juara membawa pulang akaun Simpan SSPN bernilai RM200 beserta medal dan hadiah sampingan.



Pemenang tempat ketiga pula menerima akaun Simpan SSPN bernilai RM100, medal dan hadiah sampingan.



Dua orang pemenang saguhati pula menerima akaun Simpan SSPN bernilai RM50, medal dan hadiah sampingan.



Bagi pemenang anugerah Baby merangkak WOW! pula telah membawa pulang akaun Simpan SSPN bernilai RM100, medal dan hadiah sampingan.



Kesemua 100 peserta ini juga menerima akaun Simpan SSPN beserta sijil. Pa&Ma dan Simpan SSPN sangat berbesar hati dengan sambutan menggalakkan daripada ibu bapa yang sangat bersemangat dan *sporting* untuk membuat video terbaik anak-anak mereka merangkak.

Diharapkan jika ada lagi pertandingan ini diadakan pada masa hadapan, akan terus mendapat sokongan dari pembaca Pa&Ma.

<https://www.majalahpama.my/tahniah-juara-virtual-baby-merangkak-race-pama-x-simpan-sspn-diangkat-sempena-majlis-penutup-bms-2023/>